A

LIM KING KOW

lwn.

POLYWELL ENTERPRISE SDN BHD & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
MOHTARUDIN BAKI H
[PETISYEN NO: MT1-26-1-2005]
9 MEI 2008

C ***PROSEDUR SIVIL:*** *Pembatalan - Petisyen - Permohonan membatalkan petisyen - Keadah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 18 k. 19(1) - Sama ada isu-isu yang dibangkitkan dalam petisyen membolehkan pempetisyen memohon remedi di bawah s. 181 Akta Syarikat 1965 - Sama ada wujudnya unsur-unsur penindasan,*
D *diskriminasi atau prejudis terhadap petisyen - Sama ada petisyen tidak mempunyai asas dan tidak boleh dipertahankan - Sama ada gagal mendedahkan kausa tindakan yang munasabah - Sama ada suatu penyalahgunaan proses mahkamah*

E Responden-responden memohon perintah supaya petisyen (kandungan 1) dan afidavit menentusahkan petisyen yang diikrarkan pada 24 Mac 2005 (kandungan 3) dibatalkan dengan kos di bawah A. 18 k. 19(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Alasan-alasan ringkas permohonan responden-responden
F antara lain adalah (a) petisyen tersebut tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah; (b) petisyen tersebut adalah mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan (c) petisyen tersebut adalah suatu penyalahan proses mahkamah. Pempetisyen adalah seorang pemegang saham dalam Syarikat Polywell Enterprise Sdn
G Bhd ('syarikat tersebut') iaitu responden pertama di dalam tindakan ini. Pempetisyen mempunyai pegangan saham lebihkurang 10% di dalam syarikat tersebut. Pempetisyen mendakwa tindakan-tindakan oleh responden kedua hingga ketujuh sebagai lembaga pengarah syarikat adalah merupakan tindakan-tindakan penindasan,
H mendiskriminasi, memprejudiskan dan tidak mengambilkira kepentingan pempetisyen sebagai pemegang saham syarikat tersebut. Oleh itu, pempetisyen memohon (i) deklarasi bahawa tindakan-tindakan responden-responden telah melanggar s. 181 Akta Syarikat 1965 dan pempetisyen seterusnya memohon
I deklarasi bahawa tindakan-tindakan responden-responden tersebut adalah tidak sah dan terbatal; (ii) injunksi-injunksi untuk

menghalang sebarang tindakan responden-responden untuk mengurangkan pemegangan saham pempetisyen iaitu 10% dan juga untuk menghalang responden-responden daripada membayar RM4,875,291.50 untuk memperolehi 25% pegangan saham dalam Busaria Plantation Sdn Bhd; (c) satu perintah bahawa responden kedua atau kelima atau pemegang saham lain membeli saham pempetisyen pada harga sesahan yang ditaksirkan oleh mahkamah, atau secara alternatif, pempetisyen memohon supaya syarikat responden digulungkan. Hujahan oleh pihak-pihak tertumpu kepada isu sama ada wujudnya unsur-unsur penindasan, diskriminasi, tidak mengambilkira kepentingan atau prejudis terhadap pempetisyen berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pempetisyen di dalam pempetisyen ini bagi membolehkan kes ini dibicarakan bagi permohonan pempetisyen untuk remedi-remedi di bawah s. 181 Akta Syarikat 1965 atau adakah petisyen ini tidak berasas dan nyata serta jelas tidak boleh dipertahankan untuk membolehkan permohonan responden-responden untuk membatalkan petisyen ini dibenarkan.

Diputuskan (membenarkan permohonan responden-responden):

(1) Pelaburan di dalam Busaria Jaya Plantation Sdn Bhd yang diluluskan melalui resolusi adalah satu keputusan yang sah. Pempetisyen tidak pernah membantah tentang kesahan pelaburan dalam Busaria tetapi hanya mempertikaikan tentang isu keuntungan dan juga kemampuan syarikat di dalam pelaburan tersebut. Seterusnya resolusi yang dibuat melalui EGM yang meluluskan untuk isu hak sebanyak 3,000,000 saham biasa pada nilai RM1 sesaham untuk menambah modal syarikat bagi membantu kewangan syarikat di dalam pelaburan di dalam Busaria telah dijalankan mengikut 'Memorandum and Article of Association' syarikat dan juga Akta Syarikat. Isu hak ini adalah kepada semua pemegang saham dan tidak hanya kepada pempetisyen sahaja. Bagi pempetisyen, beliau hanya perlu membayar RM300,000 sahaja untuk mengekalkan 10% sahamnya sedangkan pemegang saham lain termasuk responden kedua perlu membayar RM2.7 juta. Oleh itu EGM tersebut tidak hanya memberi kesan kepada pempetisyen sahaja tetapi juga memberi kesan kedapa semua pemegang saham dan ianya juga sudah sewajarnya menjadi jangkaan sah pempetisyen sebagai pemegang saham bahawa syarikat akan membuat isu

A hak bagi menambahkan modal syarikat dan dengan itu, tidak timbul sebarang bentuk penindasan terhadap pempetisyen bagi isu ini. (perenggan 20)

(2) Berkenaan isu pinjaman kepada anak syarikat responden
B pertama yang dibangkitkan oleh pempetisyen, pinjaman tersebut adalah sah dan mengikut undang-undang dan majoriti anak syarikat responden pertama juga adalah dimiliki sepenuhnya oleh responden pertama. Oleh itu, tidak timbul isu bahawa pempetisyen telah ditindas atau diprejudiskan oleh pinjaman
C kepada anak syarikat defendan pertama itu. Seterusnya berkaitan isu pengagihan dividen yang minimal yang dibangkitkan oleh pempetisyen, ia juga bukanlah isu yang boleh dijadikan asas untuk memohon remedi di bawah s. 181 Akta Syarikat kerana pemberian dividen adalah di bawah kuasa
D lembaga pengarah yang mengambilkira bahawa sebahagian keuntungan syarikat perlu dilaburkan untuk kepentingan syarikat dan bukanlah tugas mahkamah untuk mencampuri urusan hal ehwal pemberian dividen kepada pemegang saham di dalam syarikat responden pertama itu. (perenggan 20)

E **(3)** Isu keengganan responden kedua untuk membeli saham pempetisyen pada kadar yang ditawarkan oleh pempetisyen juga ternyata bukan satu penindasan dan di peringkat ini, ia bukan tugas mahkamah untuk memaksa mana-mana pihak
F untuk membeli saham pempetisyen pada kadar yang dikehendaki oleh pempetisyen atau pada kadar yang ditentukan oleh mahkamah memandangkan tiada bukti bahawa pempetisyen telah ditindas melalui tindakan-tindakan oleh responden kedua hingga ketujuh di dalam kes ini. (perenggan 20)

G **(4)** Tidak timbul apa-apa keadaan yang menunjukkan bahawa pempetisyen telah ditindak, didiskriminasi atau diprejudiskan oleh tindakan-tindakan responden-responden di dalam kes bagi mewajarkan remedi yang dipohon oleh responden di bawah s. 181 Akta Syarikat. Petisyen yang difailkan oleh pempetisyen
H adalah jelas dan nyata tidak mempunyai asas dan tidak boleh dipertahankan serta tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah. (perenggan 21, 22 & 23)

I

Kes-kes yang dirujuk:
Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 4 CLJ 7 FC ***(dirujuk)***
Tuan Hj Ishak Ismail v. Leong Hup Holdings Berhad & Other Appeals [1996] 1 CLJ 393 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Companies Act 1965, s. 181
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19(1)

Bagi pihak pempetisyen - Brian Ernest Cumming; T/n Tay & Partners
Bagi pihak responden - KC Tho; T/n KC Tho & Partners

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Mohtarudin Baki H:

Permohonan

[1] Melalui kandungan (30) responden-responden memohon perintah supaya petisyen bertarikh 25 Mac 2003 (kandungan (1)) dan afidavit menentusahkan petisyen yang diikrarkan pada 24 Mac 2005 (kandungan (3)) dibatalkan dengan kos di bawah A. 18 k. 19(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[2] Alasan-alasan ringkas permohonan responden-responden antara lain adalah seperti berikut:

(a) Petisyen tersebut tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah;

(b) Petisyen tersebut adalah mengaibkan, remeh atau menyusahkan; dan

(c) Petisyen tersebut adalah suatu penyalahan proses mahkamah.

[3] Permohonan responden-responden untuk membatalkan petisyen ini telah dibenarkan dengan kos pada 9 Mei 2008 dan berikut dinyatakan alasan-alasan bagi keputusan saya pada 9 Mei 2008 tersebut.

A

Latar Belakang Kes

[4] Pempetisyen adalah seorang pemegang saham dalam Syarikat Poliwell Enterprise Sdn. Bhd. ("syarikat tersebut") iaitu responden pertama di dalam tindakan ini. Pempetisyen mempunyai pegangan
B saham lebihkurang 10% di dalam syarikat tersebut.

[5] Responden kedua adalah pemegang saham dan pengarah syarikat tersebut. Responden kedua adalah pemegang saham terbesar iaitu sebanyak 65%.

C **[6]** Responden-responden ketiga, keempat, keenam dan ketujuh adalah pengarah syarikat tersebut manakala responden kelima adalah pemegang saham dan pengerusi syarikat tersebut.

[7] Lembaga pengarah syarikat tersebut terdiri daripada
D responden kedua hingga responden ketujuh.

[8] Perniagaan utama responden pertama adalah berkaitan pembangunan hartanah.

[9] Sehingga tahun 1995, pempetisyen adalah pengarah eksekutif
E syarikat tersebut.

[10] Pempetisyen mendakwa tindakan-tindakan oleh responden kedua hingga ketujuh sebagai lembaga pengarah syarikat adalah merupakan tindakan-tindakan penindasan, mendiskriminasi,
F memprejudiskan dan tidak mengambilkira kepentingan pempetisyen sebagai pemegang saham syarikat tersebut berdasarkan tindakan-tindakan lembaga pengarah seperti berikut:

(a) Selepas pempetisyen berhenti dari menjadi pengarah eksekutif
G syarikat, lembaga pengarah telah gagal, enggan, abai dan/atau lengah untuk mengemukakan minit mesyuarat pengarah-pengarah walaupun diminta secara bertulis oleh pempetisyen.

(b) Syarikat tersebut telah memberi pinjaman kepada anak syarikat tersebut yang berjumlah lebihkurang RM21 juta setakat 31
H Mac 2003 tetapi pempetisyen mendakwa lembaga pengarah gagal untuk memberi penjelasan dan maklumat berhubung pemberian pinjaman tersebut.

I

(c) Pada 8 November 2004, lembaga pengarah telah meluluskan pembelian 25% pemegangan saham dalam Busaria Plantation Sdn Bhd ("Busaria") untuk balasan belian berjumlah RM4,875,291.50 tetapi pempetisyen mendakwa lembaga pengarah gagal untuk menunjukkan bahawa transaksi itu adalah munasabah dan gagal mempertimbangkan kepentingan syarikat tersebut dan ahlinya.

(d) Pempetisyen mendakwa jumlah dividen yang diisytiharkan bagi tahun kewangan 2003 adalah tidak munasabah kerana syarikat mempunyai keuntungan yang belum digunakan berjumlah lebih RM60 juta.

(e) Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) pada 28 Mac 2005 meluluskan isu hak (Rights Issue) sebanyak 3,000,000 saham biasa pada nilai RM1 sesaham menyebabkan pempetisyen terpaksa membayar RM300,000 untuk mengambil isu hak tersebut bagi mengelakkan pegangan saham pempetisyen dikurangkan dari 10% kepada 4%.

Pempetisyen mendakwa isu hak ini bukanlah untuk menaikkan modal syarikat tersebut secara suci hati kerana syarikat tersebut masih mempunyai keuntungan yang belum digunakan berjumlah RM60,076,351.

(f) Pempetisyen mendakwa tawaran balas oleh responden kedua untuk membeli saham pempetisyen pada harga RM6 sesaham adalah tidak munasabah kerana aset ketara bersih (net tangible asset) syarikat tersebut adalah lebihkurang RM36.90 sesaham setakat 31 Disember 2003.

Oleh itu pempetisyen mendakwa tindakan-tindakan responden-responden tersebut adalah suatu usaha pengarah-pengarah yang tidak mengambilkira kepentingan pempetisyen, memprejudis dan menindas pempetisyen sebagai ahli syarikat tersebut dan dengan ini, pempetisyen memohon:

a) Deklarasi-deklarasi bahawa tindakan-tindakan responden-responden telah melanggar s. 181 Akta Syarikat 1965 dan pempetisyen seterusnya memohon deklarasi bahawa tindakan-tindakan responden-responden tersebut adalah tidak sah dan terbatal.

A b) Injunksi-injunksi untuk menghalang sebarang tindakan responden-responden untuk mengurangkan pemegangan saham pempetisyen iaitu 10% dan juga untuk menghalang responden-responden daripada membayar RM4,875,291.50 untuk memperolehi 25% pegangan saham dalam Busaria
B Plantation Sdn Bhd.

c) Satu perintah bahawa responden kedua atau kelima atau pemegang saham lain membeli saham pempetisyen pada harga sesaham yang ditaksirkan oleh mahkamah, atau
C secara alternatif, pempetisyen memohon supaya syarikat responden digulungkan.

[11] Berkenaan injunksi-injunksi yang dipohon oleh pempetisyen tersebut, pempetisyen telah memfailkan saman-dalam-kamar di
D kandungan (5) untuk perintah-perintah injunksi tetapi permohonan untuk injunksi tersebut telah ditolak oleh mahkamah ini pada 29 September 2006 selepas perbicaraan *inter parte*.

[12] Walau bagaimanapun, sebelum mahkamah memutuskan kandungan (5) tersebut, responden-responden pula telah
E memfailkan permohonan di kandungan (30) ini untuk membatalkan petisyen ini di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Prinsip Undang-undang Bagi Permohonan Di Bawah A. 18
F **k. 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980**

[13] Mahkamah Agung dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors. v. United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 4 CLJ 7 telah memutuskan prinsip-prinsip yang harus dipertimbangkan dalam
G sesuatu permohonan membatalkan tuntutan di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 di ms 43 seperti berikut:

> The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O. 18 r. 19(1) of the RHC are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse
H should be had to the summary process under this rule (per Lindley M.R. in *Hubbuck & Sons Ltd. v. Wilkinson, Heywood & Clark Ltd.* [1899] 1 QB 91), and this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable' (see *AG of Duchy of Lancaster v. L & NW Rly Co.* [1892] 3 Ch 274). It
I cannot be exercised by a minute examination of the documents

and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or a defence (see *Wenlock v. Moloney & Ors* [1965] 2 All ER 871)

[14] Seterusnya Mahkamah Agung menyatakan:

... It has been said that so long as the pleadings disclose some cause of action or raise some question fit to be decided by the judge, the mere fact that the case is weak and not likely to succeed at the trial is no ground for the pleadings to be struck out (see *Moore v. Lawson* [1915] 31 TLR 418 CA and *Wenlock v. Moloney & Ors*) *(supra)*.

[15] Di dalam kes *Tuan Haji Ishak Ismail v. Leong Hup Holdings Berhad and Other Appeals* [1996] 1 CLJ 393 mahkamah menyatakan:

But O. 18 r. 19(1)(a) only requires that the Court assume the truth of the "primary facts" alleged. It does not require that the petitioner's inferences from those facts should also be assumed to be true, unless those inferences necessarily follow. Nor is the Court obliged to accept the "conclusions" alleged or the relief sought unless the factual basis for those conclusions or relief have been pleaded ...

[16] Apa yang jelas bagi saya dan ketara dari kes-kes yang tersebut di atas ialah perintah untuk membatalkan tindakan atau pliding ini hanya boleh diberikan kepada kes-kes yang jelas tidak ada isu-isu yang dipertikaikan dan berbalik kepada petisyen di hadapan saya ini, saya dapati petisyen ini adalah termasuk di dalam perkara atau tindakan yang jelas yang boleh diputuskan di peringkat permohonan di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ini tanpa perlu kepada perbicaraan penuh untuk menentukan isu-isu yang dibangkitkan.

[17] Ini dapat dilihat secara jelas daripada petisyen itu sendiri dan seterusnya melalui permohonan di kandungan (30) ini beserta afidavit-afidavit yang difailkan dan juga hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak.

Hujahan Dan Keputusan Untuk Kandungan (30)

[18] Kedua-dua belah pihak telah memfailkan penghujahan bertulis masing-masing untuk kandungan (30) ini.

[19] Hujahan oleh pihak-pihak tertumpu kepada isu samada wujudnya unsur-unsur penindasan, diskriminasi, tidak mengambilkira kepentingan atau prejudis terhadap pempetisyen berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pempetisyen di dalam petisyen ini bagi

membolehkan kes ini dibicarakan bagi permohonan pempetisyen untuk remedi-remedi di bawah s. 181 Akta Syarikat 1965 atau adakah petisyen ini tidak berasas dan nyata serta jelas tidak boleh dipertahankan untuk membolehkan permohonan responden-responden untuk membatalkan petisyen ini dibenarkan.

[20] Setelah menimbang permohonan responden-responden, afidavit-afidavit yang difailkan dan dirujuk oleh kedua-dua belah pihak dan setelah menimbang penghujahan bertulis kedua-dua belah pihak saya memutuskan seperti berikut:

i) Pelaburan di dalam Busaria Jaya Plantation Sdn. Bhd. yang diluluskan melalui resolusi pada 8 November 2004 adalah satu keputusan yang sah dan saya dapati pempetisyen tidak pernah membantah tentang kesahan pelaburan dalam Busaria tetapi hanya mempertikaikan tentang isu keuntungan dan juga kemampuan syarikat di dalam pelaburan tersebut.

ii) Resolusi yang dibuat melalui EGM pada 28 Mac 2005 yang meluluskan untuk isu hak sebanyak 3,000,000 saham biasa pada nilai RM1 sesaham untuk menambah modal syarikat bagi membantu kewangan syarikat di dalam pelaburan di dalam Busaria telah dijalankan mengikut "Memorandum and Article of Association" syarikat dan juga Akta Syarikat.

Di sini saya bersetuju dengan hujahan oleh peguam responden yang terpelajar bahawa isu hak ini adalah kepada semua pemegang saham dan tidak hanya kepada pempetisyen sahaja. Bagi pempetisyen, beliau hanya perlu membayar RM300,000 sahaja untuk mengekalkan 10% sahamnya sedangkan pemegang saham lain termasuk responden kedua perlu membayar RM2.7juta.

Oleh itu, EGM tersebut tidak hanya memberi kesan kepada pempetisyen sahaja tetapi juga memberi kesan kepada semua pemegang saham dan ianya juga sudah sewajarnya menjadi jangkaan sah pempetisyen sebagai pemegang saham bahawa syarikat akan membuat isu hak bagi menambahkan modal syarikat dan dengan itu, tidak timbul sebarang bentuk penindasan terhadap pempetisyen bagi isu ini.

iii) Berkenaan isu pinjaman kepada anak syarikat responden pertama yang dibangkitkan oleh pempetisyen, saya juga bersetuju dengan hujahan peguam responden yang terpelajar bahawa pinjaman kepada anak syarikat responden pertama

tersebut adalah sah dan mengikut undang-undang dan majoriti anak syarikat responden pertama juga adalah dimiliki sepenuhnya oleh responden pertama. Oleh itu tidak timbul isu bahawa pempetisyen telah ditindas atau diprejudiskan oleh pinjaman kepada anak syarikat defendan pertama itu.

iv) Seterusnya berkaitan isu pengagihan dividen yang minimal yang dibangkitkan oleh pempetisyen, ia juga bukanlah isu yang boleh dijadikan asas untuk memohon remedi di bawah s. 181 Akta Syarikat kerana pemberian dividen adalah di bawah kuasa lembaga pengarah yang mengambilkira bahawa sebahagian keuntungan syarikat perlu dilaburkan untuk kepentingan syarikat dan bukanlah tugas mahkamah untuk mencampuri urusan hal ehwal pemberian dividen kepada pemegang saham di dalam syarikat responden pertama itu.

v) Isu keenggangan responden kedua untuk membeli saham pempetisyen pada kadar yang ditawarkan oleh pempetisyen juga ternyata bukan satu penindasan dan di peringkat ini, ia bukan tugas mahkamah untuk memaksa mana-mana pihak untuk membeli saham pempetisyen pada kadar yang dikehendaki oleh pempetisyen atau pada kadar yang ditentukan oleh mahkamah memandangkan tiada bukti bahawa pempetisyen telah ditindas melalui tindakan-tindakan oleh responden kedua hingga ketujuh di dalam kes ini.

[21] Berdasarkan keadaan-keadaan yang telah dinyatakan, saya memutuskan bahawa tidak timbul apa-apa keadaan yang menunjukkan bahawa pempetisyen telah ditindas, didiskriminasi atau diprejudiskan oleh tindakan-tindakan responden-responden di dalam kes bagi mewajarkan remedi yang dipohon oleh responden di bawah s. 181 Akta Syarikat.

[22] Sebaliknya, saya mendapati petisyen yang difailkan oleh pempetisyen adalah jelas dan nyata tidak mempunyai asas dan tidak boleh dipertahankan serta tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

[23] Oleh yang demikian, saya memutuskan untuk membenarkan permohonan responden-responden melalui kandungan (30) ini dengan kos.